

Mohd Khairul Adib Dilantik Pengerusi Baharu CAAM

KUALA LUMPUR :Kementerian Pengangkutan melantik Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman sebagai pengerusi baharu Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) berkuatkuasa 1 Jun 2020. Turut dilantik adalah Chester Voo Chee Soon sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu CAAM.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata perlantikan Mohd Khairul Adib adalah mengikut Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017 (Akta 788) di bawah Seksyen 5(1). "Chee Soon pula dilantik mengikut Seksyen 21 selepas disyor dan dipertimbangkan oleh CAAM," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Khairul adalah penjawat awam profesional yang sudah berkhidmat selama lebih tiga dekad dan ketika ini masih memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah JPA. Beliau sebelum ini juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Chee Soon pula seorang juruterbang di sebuah syarikat penerbangan terkemuka dengan memiliki pengalaman yang luas dalam industri penerbangan. Beliau berkhidmat di beberapa buah syarikat penerbangan dan tugas terakhirnya sebagai pengarah operasi penerbangan di sebuah syarikat penerbangan domestik.

"Saya yakin kedua-dua mereka akan banyak membantu kerajaan meningkatkan kecekapan serta keselamatan penerbangan awam sehingga mencapai kelas dunia. "Antara tugas utama yang sedang kita hadapi bersama adalah usaha mengembalikan status penarafan dunia Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) ke Kategori 1, seperti pencapaian pada 2003," katanya.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 38 | 29 MEI 2020